

Jenis Akhbar : Bernama Online

Tarikh : 05/09/2019

Edisi / Muka Surat : www.bernama.com

Tajuk : ICA-AP platform perkenal sumbangan koperasi tingkatkan ekonomi negara

ICA-AP platform perkenal sumbangan koperasi tingkatkan ekonomi negara

Tarikh kemaskini: 05/09/2019



KUALA LUMPUR, 4 Sept -- Seminar Pemimpin Ikatan Koperasi Antarabangsa - Rantau Asia Pasifik (ICA-AP) yang diadakan di ibu negara adalah platform terbaik untuk memperkenalkan peranan dan sumbangan koperasi dalam membangunkan ekonomi antara negara terlibat.

Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata ini kerana majoriti negara berkenaan mengiktiraf koperasi sebagai medium yang membantu mengurangkan masalah sosioekonomi dihadapi negara masing-masing.

"Ini termasuklah mewujudkan budaya keusahawanan, mengatasi kemiskinan dan merapatkan jurang pembangunan antara bandar dan luar bandar. Antara negara yang menyertainya adalah India, Nepal, Sri Lanka dan China," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Seminar ICA-AP di sini, malam ini.

Seramai 70 peserta dari 10 negara menyertai seminar dua hari, yang bermula hari ini.

Beliau berkata pengekalan Pejabat Perniagaan Koperasi Rantau Asia Pasifik (MBO) di Malaysia untuk lima tahun akan datang memberi peluang kepada negara luar meningkatkan sumbangan serta perkhidmatan di negara ini.

Sementara itu, Abdul Fattah, yang juga Presiden Koperasi Se-ASEAN (ACO), berkata Karnival Produk dan Perkhidmatan Koperasi Malaysia (MACCOPS) di Johor Bahru pada 28 hingga 30 Nov akan menjadi tumpuan perniagaan koperasi bagi menentukan strategi usahasama dan pembaharuan untuk masa depan.

MACCOPS anjuran Angkasa yang memasuki edisi keempat itu akan mempamerkan pelbagai produk dan perkhidmatan koperasi Malaysia untuk dilanggan oleh pengguna dari segenap lapisan masyarakat termasuk koperasi luar negara.

"Kali ini kami jangkakan penyertaan lebih menyeluruh yang kami dapat komitmen dari negara luar iaitu koperasi peringkat antarabangsa untuk mengambil bahagian. Dianggarkan lebih 100,000 pengunjung akan hadir dengan lebih 10 negara mengambil bahagian," katanya.

-- BERNAMA